



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) 1966

P.U. (A) 446/1998

**PERATURAN-PERATURAN PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PERLESENAN (PINDAAN)
1998**

Tarikh penyiaran:

3 Disember 1998

Tarikh mula berkuatkuasa:

4 Disember 1998

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Mukadimah

Peraturan 1. Nama

Peraturan 2. Pemakaian

Peraturan 3. Fasal baru 13A dalam Jadual G

Peraturan 4. Fasal baru 13A dalam Jadual H

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24 Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 1998**.

2. Pemakaian

Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai hanya bagi Kawasan Perbadanan Putrajaya seperti mana yang diperihalkan dalam seksyen 10 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*].

3. Fasal baru 13A dalam Jadual G

Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 [P.U. (A) 58/89], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam fasal 13 Jadual G dengan memasukkan selepas fasal tersebut fasal yang berikut:

"Sekatan terhadap penukaran kod warna

13A. Walau apa pun peruntukan fasal 13, Pembeli tidak boleh melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa penukaran warna luar kepada Bangunan tersebut tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan."

4. Fasal baru 13A dalam Jadual H

Jadual H Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam fasal 13 dengan memasukkan selepas fasal tersebut fasal yang berikut:

"Sekatan terhadap penukaran kod warna

13A. Walau apa pun peruntukan fasal 13, Pembeli tidak boleh melakukan atau menyebabkan dilakukan apa-apa penukaran warna luar kepada Bangunan tersebut tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan."

Dibuat 12 November 1998
[KPKT (S) 01/8/7 Klt. 9; PN(PU²) 31/VI]

DATO' DR. TING CHEW PEH,
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan